



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER PERTAMA SESI 2000/2001**

KOD/NAMA KURSUS : KE 1013 PERAKAUNAN PERNIAGAAN
TARIKH : 18 SEPTEMBER 2000 (ISNIN)
MASA : 2.30 – 5.00 PETANG (2 JAM 30 MINIT)
TEMPAT : DMS, TE, DP 1/4, DP 1/7, DP 3/3

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam LAPAN (8) halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan di atas kertas jawapan yang disediakan.
3. Sila tulis nombor matrik anda pada setiap penjuru kertas jawapan anda.
4. Semua pengiraan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

NO. MATRIK : _____

--	--	--	--	--	--

(dengan perkataan)

(dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA PENSYARAH : _____

KUMPULAN :

--

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHA**

SOALAN 1 (20 MARKAH: 30 MINIT)

Berikut diberikan penyata pendapatan perbandingan dan lembaran imbangan perbandingan untuk Perniagaan Citi Temiang :

**Perniagaan Citi Temiang
Penyata Pendapatan Perbandingan
Bagi tahun Berakhir 31 Disember 1998 dan 1999**

	1998	1999
	RM	RM
Jualan	16,470	19,965
Pulangan Jualan	70	100
Jualan Bersih	16,400	19,865
Kos Barang Dijual	12,000	13,000
Untung Kasar	4,400	6,865
Hasil Faedah Atas Simpanan Tetap	130	130
Jumlah Hasil	4,530	6,995
Belanja Insuran	400	450
Belanja Alatulis	26	100
Belanja Sewa	800	1,000
Belanja Susutnilai Van	2,700	2,700
Untung Bersih	604	2,745

Maklumat Tambahan

Jualan Tunai Bersih ialah RM 1,400 untuk tahun 1998 dan RM 1,500 untuk tahun 1999.

Perniagaan Citi Temiang
Lembaran Imbangan Perbandingan
Pada 31 Disember 1998 dan 1999

	1998	1999
	RM	RM
ASET		
Tunai	12,000	14,000
Akaun Belum Terima (Bersih)	2,175	3,000
Inventori	1,180	2,000
Van Bersih	9,900	9,900
Perabot Bersih	1,000	1,000
JUMLAH ASET	26,255	29,900
LIABILITI DAN EKUITI PEMILIK		
Akaun Belum Bayar	2,100	3,000
Overdraf	2,000	1,500
Pinjaman Jangka Panjang	4,000	4,000
Nota Belum Bayar (Jangka Panjang)	3,000	3,500
Modal	15,155	17,900
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMILIK	26,255	29,900

DIKEHENDAKI :

- a. Sediakan analisis mendatar untuk tahun 1999 bagi Penyata Pendapatan Perniagaan Citi Temiang. (4 markah)
- b. Sediakan analisis menegak untuk tahun 1999 bagi Lembaran Imbangan Perniagaan Citi Temiang. (4 markah)
- c. Kirakan nisbah-nisbah seperti di bawah untuk tahun 1999.
 - i. Margin Untung (1.5 markah)
 - ii. Pulangan Ke Atas Equiti Pemilik (1.5 markah)
 - iii. Pusing Ganti Akaun Belum Terima (1.5 markah)
 - iv. Pusing Ganti Inventori (1.5 markah)
 - v. Modal Kerja (1.5 markah)
 - vi. Nisbah Semasa (1.5 markah)
 - vii. Nisbah Hutang (1.5 markah)
 - viii. Nisbah Hutang Atas Ekuiti Pemilik (1.5 markah)

SOALAN 2 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Timuran Textile Berhad merupakan pengeluar pakaian kanak-kanak untuk pasaran tempatan dan luar negara. Berikut adalah kos yang terlibat di dalam aktiviti pengeluaran dan operasi syarikat. Syarikat mengeluarkan 10,000 helai pakaian kanak-kanak sebulan.

ITEM KOS	RM
Kain kapas	3.50 / helai
Bahan mentah pelbagai seperti benang dan butang	0.50 / helai
Upah operator pengeluaran	2.00 / helai
Gaji penyelenggara mesin kilang	700 / bulan
Gaji penyelia pengeluaran	2,000 / bulan
Sewa peralatan kilang	2,500 / bulan
Insuran bangunan kilang	650 / bulan
Susutnilai bangunan kilang	500 / bulan
Cukai hartanah ke atas bangunan kilang	1,200 / tahun
Cukai hartanah ke atas pejabat	600 / tahun
Belanja bekalan bagi pejabat am	700 / bulan
Belanja susutnilai peralatan pejabat	100 / bulan
Belanja pengiklanan untuk tujuan promosi	1,500 / bulan
Belanja komisen jualan	2.00 / helai

DIKEHENDAKI:

a. Senaraikan setiap kos di atas mengikut klasifikasi berikut (tanpa amaun):

KOS TEMPOH	KOS BAHAN MENTAH LANGSUNG	KOS BURUH LANGSUNG	OVERHED KILANG
------------	---------------------------	--------------------	----------------

(14 markah)

b. Kirakan kos-kos berikut untuk sebulan:

- (i) kos prima
- (ii) kos penukaran
- (iii) kos pengeluaran

(6 markah)

SOALAN 3 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Anggerik Berhad adalah merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan dan mengedar bunga kristal untuk pasaran tempatan serta luar negara. Syarikat ini terletak di Lembah Datai, Pulau Langkawi. Berikut adalah maklumat berkaitan harga produk, kos produk dan perbelanjaan operasi syarikat bagi tahun 2000.

	RM	RM
Harga jualan seunit		150
<u>Kos berubah seunit:</u>		
Bahan langsung	40	
Buruh langsung	28	
Overhed kilang	22	
Jumlah kos berubah seunit		90
<u>Kos tetap setahun:</u>		
Overhed kilang	200,000	
Jualan dan pentadbiran	400,000	
Jumlah kos tetap		600,000

Anggerik Berhad mempunyai kapasiti pengeluaran 20,000 unit bunga kristal setahun.

DIKEHENDAKI:

- Kirakan margin sumbangan dan nisbah margin sumbangan untuk setiap bunga kristal yang dijual untuk tahun 2000.
(2 markah)
- Kirakan titik pulang modal dalam unit dan ringgit bagi Anggerik Berhad.
(3 markah)
- Berapakah unit yang perlu dijual untuk mencapai sasaran untung sebanyak RM300,000?
(2 markah)
- Tentukan margin keselamatan dalam ringgit untuk Anggerik Berhad sekiranya jualan tahun 2000 mencecah RM3,000,000.
(1 markah)

- e. Andaikan syarikat menjangkakan hanya kos bahan langsung akan meningkat sebanyak 10% pada tahun hadapan. Berapakah unit yang perlu dijual pada tahun 2001 untuk mencapai titik pulang modal?
(4 markah)
- f. Andaikan kos buruh meningkat sebanyak 50%, kirakan harga jualan seunit yang dikenakan sekiranya nisbah margin sumbangan tidak berubah.
(4 markah)
- g. Sekiranya kos tetap bertambah sebanyak 25% dan jumlah kos berubah berkurang 20%. Berapakah unit bunga kristal yang perlu dikeluarkan untuk mencapai titik pulang modal.
(4 markah)

SOALAN 4 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Berikut merupakan maklumat berkaitan tunai Perniagaan Malinja. Baki tunai pada 1hb Januari 2000 adalah sebanyak RM 1,000. Pihak syarikat telah menetapkan baki akhir tunai pada setiap bulan adalah sebanyak RM 3,000. Pinjaman bank boleh dilakukan untuk menampung sebarang kekurangan tunai yang mungkin dihadapi oleh syarikat. Sekiranya terdapat sebarang lebihan, amaun tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun simpanan tetap.

Jualan dan belian untuk tahun 1999

	JUMLAH JUALAN (RM)	JUMLAH BELIAN (RM)
November	50,000	60,000
Disember	40,000	-

Anggaran jualan dan belian tahun 2000

	JUMLAH JUALAN (RM)	JUMLAH BELIAN (RM)
Januari	30,000	50,000
Februari	40,000	-
Mac	50,000	50,000

Kutipan tunai di atas jualan :

60% pada bulan jualan dibuat

30% sebulan selepas jualan

10% dua bulan selepas jualan

Pembayaran tunai di atas belian:

40% pada bulan belian dibuat

30% sebulan selepas belian dibuat

30% dua bulan selepas belian dibuat

Anggaran perbelanjaan untuk setiap bulan:

	RM
Faedah overdraf bank	100
Belanja elektrik	200
Bayaran KWSP	1,000
Gaji	10,000

Cukai jualan ialah 10% daripada jumlah jualan. Amaun ini hendaklah dibayar pada bulan berikutnya selepas jualan di buat.

Perbelanjaan lain:

	RM
Cukai harta	500 (di bayar pada bulan Februari)
Perbelanjaan mengecat bangunan	2000 (di bayar pada bulan Mac)
Derma	500 (di bayar pada bulan Januari)
Pembelian mesin A	2,000 (di bayar pada bulan Januari)
Pembelian mesin B	10,000 (dibayar pada bulan Mac)

DIKEHENDAKI :

- Sediakan jadual kutipan jualan. (4.5 Markah)
- Sediakan jadual pembayaran tunai atas belian. (2.5 Markah)
- Sediakan belanjawan tunai bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2000. (10 Markah)
- Terangkan secara ringkas tiga kepentingan penyediaan belanjawan. (3 Markah)

SOALAN 5 (20 MARKAH : 30 MINIT)

Temenggung Berhad adalah sebuah firma mengeluarkan kerusi kayu untuk murid-murid tadika. Berikut adalah maklumat yang diperolehi bagi tahun 1999.

Maklumat kos standard seunit kerusi kayu :

Bahan Mentah	4 kaki	RM14 sekaki
Buruh Langsung	8 jam	RM10 sejam
Overhed:		
Berubah	8 jam	RM8 sejam
Tetap	8 jam	RM12 sejam

Maklumat sebenar operasi firma bagi tahun 1999 adalah seperti berikut:

Unit pengeluaran	11,000 unit
Belian bahan mentah	52,000 kaki @ RM13.70 sekaki
Bahan mentah digunakan	40,000 kaki
Buruh langsung	84,000 jam dengan kos RM840,000
Overhed kilang:	
Berubah	RM756,000
Tetap	RM1,000,000

Belanjawan overhed tetap untuk tahun 1999 ialah RM960,000 dan kadar standard overhed tetap adalah berasaskan jangkaan kapasiti 80,000 jam buruh langsung.

DIKEHENDAKI:

Kirakan

- a. Varian harga bahan langsung (2.5 markah)
- b. Varian kuantiti bahan langsung (2.5 markah)
- c. Varian kadar buruh langsung (2.5 markah)
- d. Varian kecekapan buruh langsung (2.5 markah)
- e. Varian perbelanjaan overhed berubah (2.5 markah)
- f. Varian kecekapan overhed berubah (2.5 markah)
- g. Varian belanjawan overhed tetap (2.5 markah)
- h. Varian volum overhed tetap (2.5 markah)